

*Artikel*

**Masalah Guru dalam Pengajaran Pantun Berestetika di Sekolah Rendah**  
(*Teacher's Problem in Pantun Teaching at Primary School*)

Ahmad Fikri Ab Rahman & Zamri Mahamod\*

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

Diserah: 15 Januari 2024

Diterima: 01 April 2024

**Abstrak:** Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, pantun merupakan salah satu cabang dalam aspek seni bahasa. Namun begitu, pengajaran pantun berestetika kurang ditekankan guru di sekolah rendah. Tambahan lagi, estetika merupakan ciri keindahan pantun yang perlu diterapkan guru kepada murid. Justeru, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi guru ketika mengajarkan pantun berestetika di sekolah rendah. Lapan orang peserta kajian telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada empat orang guru bahasa Melayu dan empat orang pensyarah bahasa Melayu dari Institut Pendidikan Guru. Peserta kajian telah dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar pantun. Data dikumpulkan melalui temu bual separa struktur dan dianalisis secara tematik. Lima tema utama telah diperoleh berdasarkan dapatan kajian iaitu (1) persepsi guru (2) kurang meminati pantun, (3) kelemahan pengetahuan kandungan pantun berestetika (4) sikap sambil lewa dan (5) kelemahan amalan pedagogi. Impak kajian ini memberi input bahawa masalah pengajaran pantun berestetika yang dihadapi guru perlu diselesaikan segera melalui pembangunan garis panduan pengajaran pantun, bahan pengajaran pantun, model pengajaran mahupun modul yang boleh dirujuk guru sewaktu mengajarkan pantun di sekolah rendah.

**Kata kunci:** Pantun; Guru bahasa Melayu; masalah guru; seni bahasa; sekolah rendah

**Abstract:** Pantun is one of the forms of language arts in the Malay language subject. However, primary school teachers place less emphasis on teaching aesthetic poetry. Furthermore, aesthetics is a feature of pantun beauty that teachers must instill in their students. As a result, this is a qualitative study aimed at identifying the problems that teachers confront when teaching aesthetics of pantun in primary schools. This study involved eight participants: four Malay language teachers and four Malay language lecturers from the Teacher Education Institute. Purposive sampling was used for selecting participants with at least five years of expertise in teaching pantun. This data was gathered through semi-structured interviews and analysed thematically. Five main themes were obtained based on the findings of the study which were (1) teacher's perception (2) lack of interest in the pantun, (3) weakness of content knowledge (4) complacent attitude and (5) weakness of pedagogical practice. The impact of this study indicates that the issues of teaching pantun that teachers confront must be addressed promptly by suggested solutions such as developing teaching pantun guidelines, teaching pantun materials, teaching models and modules that teachers can use while teaching pantun in primary schools.

**Keywords:** Pantun, Malay language teacher; teacher's problem, language arts, primary school

## Pengenalan

Pantun merupakan puisi tradisional Melayu yang terdiri daripada pembayang dan maksud yang ditulis secara berangkap. Pantun terdiri daripada dua baris pembayang dan dua baris maksud yang digabungkan menjadi empat baris dalam serangkap pantun. Tatkala menilai kualiti pantun, unsur estetika menjadi lambang keindahan pantun. Hussain (2018) menyatakan bahawa antara ciri keindahan pantun ialah pembayang dan hubungan pembayang dengan maksud pantun. Hassan (2020) pula menegaskan bahawa pantun yang baik perlu mematuhi suku kata dan rima a/b/a/b dalam rangkap yang ada. Tidak terkecuali, Salleh (2000) dalam Teori Puitika Sastera Melayu menegaskan bahawa pantun perlu dilafazkan mengikut setiap bait diksi dalam rangkapnya. Justeru, aspek estetika pantun inilah yang menjadi lambang keunikan dan darjah yang tinggi sebagai puisi tradisional Melayu.

Kelebihan pantun sebagai salah satu puisi tradisional yang paling tua dalam sejarah Melayu mencerminkan kehalusan akal budi dan keintelektualan masyarakat Melayu yang tinggi tatkala bermanifestasi dengan alam dan budaya sekeliling (Piah, 1989; Keating, 2020; Sew, 2018). Kelestarian pantun yang penuh estetika ini telah berjaya dijulang pada tanggal 17 Disember 2020 dalam penyenaraian kategori *Intangible Cultural Heritage of Humanity oleh United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* di Perancis (Ab Jabar et al., 2023). Pengiktirafan besar terhadap pantun telah membuktikan bahawa pemartabatan pantun perlu diperkasa oleh semua pihak demi melestarikan pantun, lebih-lebih lagi terhadap generasi muda.

Salah satu bidang yang memikul tanggungjawab berat untuk melestarikan pantun dalam kalangan generasi muda ialah bidang pendidikan. Jikalau dahulu pantun digunakan ketika pendidikan tidak formal untuk mendidik anak-anak, kini pengajaran pantun dalam pendidikan formal menjadi wahana yang paling tepat untuk memanfaatkan pantun dari segenap sudut iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Hal ini demikian kerana, melalui pantun, nilai murni dapat disuntik secara halus kepada anak-anak agar dapat berperilaku baik, sesuai dengan norma masyarakat Malaysia (Zakaria et al., 2019). Justeru, kenyataan ini sekali gus menjunjung aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Hamzah et al. (2019) turut mendedahkan bahawa guru terpaksa bertindak mengikut kebijaksanaan sendiri sama ada ingin mengajar atau mengabaikan sahaja aspek estetika pantun kepada murid sekolah rendah. Masalah ini tidak boleh dibiarkan melarat kerana estetika merupakan lambang keindahan pantun yang dapat mencerminkan identiti Malaysia. Tambahan lagi, Hussain (2018) membuktikan bahawa melalui pantun, individu dapat bermanifestasi dengan alam sekeliling tatkala mempelajari pantun. Justeru, pengabaian estetika pantun bakal menjadi barah dalam pengajaran pantun di sekolah rendah kerana lama-kelamaan pantun yang tidak berestetika akan dicipta murid disebabkan tidak dititikberatkan sedari awal di peringkat sekolah.

Mahamod dan Hassan (2018) turut mengakui bahawa guru bahasa Melayu masih keliru tidak kira dari sudut pedagogi mahupun ilmu kesusteraan sewaktu mengajarkan karya sastera di sekolah. Lantaran itu, guru sepatutnya didedahkan dengan panduan pengajaran pantun yang sebenar. Hal ini amat penting agar guru dapat memikul tanggungjawab tatkala mencorak pengajaran dan pemudahcaraan pantun yang mampu memberi impak kepada pemerkasaan nilai estetika pantun dalam kalangan murid.

Selain itu, pendedahan Mohd et al. (2018) telah menunjukkan bahawa guru sememangnya kurang memberi perhatian terhadap pengajaran pantun seperti yang terdapat dalam sukanan pelajaran. Jika dilihat secara mendalam, isu kurangnya perhatian guru terhadap pengajaran puisi boleh disifatkan sebagai persepsi awal guru terhadap puisi itu sendiri. Persepsi awal ini boleh dikaitkan dengan ketakutan guru. Hal ini demikian kerana, Sigvardsson (2020) pernah menyifatkan bahawa antara faktor yang menyebabkan kelemahan guru dalam mengajarkan puisi di sekolah adalah kerana guru sendiri yang berasa takut dengan puisi tersebut. Guru dikatakan kurang berpengalaman dan tidak menjiwai dunia puisi disebabkan ketakutan yang menjadi persepsi awal mereka terhadap puisi. Fakta itu turut dibuktikan dengan sebuah lagi kajian di Nigeria oleh Timothy dan Obiekezie (2019) yang menyatakan bahawa ketakutan terhadap puisi telah menjadi titik kelemahan kepada para guru untuk mengajarkan puisi tradisional bangsa sendiri kepada muridnya.

Justeru, berdasarkan masalah yang dinyatakan, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran pantun di sekolah rendah. Lantas persoalannya, apakah

masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran pantun di sekolah rendah? Lantaran itu, sebuah kajian kualitatif telah dilakukan bagi mengenal pasti kebenaran dakwaan kajian-kajian terdahulu tentang masalah pengajaran pantun di sekolah rendah. Masalah-masalah yang dikenal pasti akan dibincangkan serta dicadangkan cadangan penyelesaian lebih lanjut dalam kertas ini.

## Sorotan Literatur

Pelbagai takrifan telah wujud mengenai pantun. Bagi Piah (1989), pantun dikaitkan dengan kata akar tun yang bermaksud lurus dan teratur sama ada secara terancang atau tidak. Jika diteliti, kata akar tun sememangnya banyak digunakan dalam bahasa Nusantara meliputi wilayah Indonesia dan sebagainya. Kata akar tun juga boleh dikonsepkan sebagai pepatah atau peribahasa berdasarkan Hussain (2018), yang dilihat sama dengan pendefinisian literal dalam Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003) sebagai peribahasa yang sesuai untuk sindiran. Takrifan ini juga dilihat sama dengan fungsi pantun dua rangkap yang disebut sebagai pantun karmina. Pantun karmina asalnya berbentuk pepatah seperti pinggan tak retak, nasi tak dingin, yang akhirnya disambungkan menjadi seperti berikut:

*Pinggan tak retak nasi tak dingin,  
Engkau tak hendak aku tak ingin.*

Di samping konsep yang dikaitkan dengan kamus dan bahasa sesuatu kaum, kajian lepas juga telah meneliti konsep pantun berdasarkan aspek sejarah pantun dengan lebih meluas. Hal ini demikian kerana, jika berhujah dari sudut sejarah, lembaran kajian terdahulu telah menjadi bukti nyata betapa tingginya daya keintelektualan orang Melayu dalam menggabungkan pemikiran, falsafah, nilai murni dan alam sekeliling ke dalam ungkapan berangkap yang dikenali sebagai pantun. Secara asasnya, dikatakan puisi tradisional ini telah bermula lebih awal sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka (Keating, 2020). Winstedt dan Wilkinson (1961) juga telah awal menjelaskan bahawa wujud puisi-puisi berangkap empat baris yang mempunyai keunikan bunyi dalam rangkap-rangkapnya dalam naskhah Sejarah Melayu dan hikayat-hikayat lama yang terhasil pada abad ke-15. Kewujudan puisi inilah yang dikatakan sebagai pantun dan ia telah terakam secara bertulis menerusi Sejarah Melayu.

Intinya, dapatlah disimpulkan bahawa pantun merupakan karangan berangkap yang tersusun berdasarkan bunyi dan mengandungi makna dengan pelbagai fungsi tertentu. Pantun terbentuk melalui gabungan diksi yang membentuk rima dan dipisahkan melalui pembayang dan maksud dalam satu rangkap yang sama. Serangkap pantun dihasilkan dengan estetika yang unik kerana tersingkap falsafah dan makna yang disusun dengan jalinan-jalinan bahasa yang cantik dan sepadan dengan perihal yang ingin disampaikan oleh pemantun.

### 1. Estetika Pantun

Pentakrifan estetika terlalu luas maknanya jika dihurai satu persatu. Namun, menurut Hamid (1995), istilah ini sebenarnya berasal daripada perkataan Yunani iaitu aisthesis yang membawa makna sebagai kepekaan yang bersangkutan dengan ungkapan indah dan keindahan. Ahli falsafah Plato pernah mengemukakan teori keindahan melalui karya Symposium yang watak-watak dalam karya tersebut memperkatakan keindahan itu sebagai cinta yang perlu diasaskan dalam diri manusia sejak kanak-kanak lagi. Teori ini akhirnya berkembang dan menjadi sebuah falsafah estetika meliputi pelbagai cabang seni termasuklah drama, puisi, seni bina dan sebagainya.

Dalam konteks Melayu pula, Braginsky (1994) mencirikan estetika kepada tiga tingkat iaitu rohani, faedah dan keindahan. Tingkat tertinggi iaitu rohani merupakan yang mendatangkan manfaat kepada nilai murni pembaca. Tingkat kedua iaitu faedah merupakan karya yang memberi sumbangan kepada daya intelektual pembaca, manakala tingkat paling rendah ialah keindahan yang hanya mencapai kepuasan nafsu pembaca semata-mata (Zakaria et al. 2017). Kesemua hal berkaitan keindahan sesebuah karya berkait rapat dengan kosmologi yang telah diterangkan secara penuh oleh Salleh (2000) dalam Teori Puitika Sastera Melayu. Oleh itu, estetika dapatlah disimpulkan sebagai falsafah keindahan yang berkait rapat dengan alam, perasaan, imaginasi untuk memberi pedoman kepada sesiapa sahaja sama ada dari konteks pembaca, khalayak penonton mahupun dan pengamal estetika.

Sebagai puisi tradisional Melayu, sudah semestinya keindahan pantun berkait rapat dengan konteks estetika dunia Melayu. Berdasarkan Hussain (2018) dan Hamzah et al. (2019), estetika pantun boleh dicirikan mengikut Piah (1989) yang membahagikan estetika pantun kepada dua iaitu estetika dalaman dan estetika luaran. Estetika dalaman merupakan unsur subjektif yang dapat dirasai oleh setiap orang ketika membaca dan mendengarkan pantun. Unsur ini meliputi aspek pembayang, maksud serta hubungan pembayang dengan maksud pantun. Hal ini bermakna, jika maksud pantun tersebut bersifat sedih, maka unsur pembayangnya perlu juga melambangkan kesedihan supaya perasaan sedih itu dapat dirasai orang.

Seterusnya, Piah (1989) juga menyatakan tentang estetika luaran pantun yang meliputi aspek visual pantun seperti format lapan hingga 12 suku kata dalam sebaris pantun, rima a/b/a/b dalam pantun dan bentuk rangkap pantun. Aspek luaran ini juga membezakan pantun dengan puisi lain yang berbeza format visualnya. Biarpun begitu, dalam Teori Puitika Sastera Melayu (2000) turut menambah aspek estetika pantun juga meliputi aspek melafaz pantun. Hal ini demikian kerana, Salleh (2000) menjelaskan bahawa pantun perlu dilafazkan atau dipersembahkan secara bersederhana dan tidak berlebihan. Setiap tutur lafaz tersebut perlulah sesuai dengan diksi dan perasaan yang sewajarnya dalam pantun.

## 2. Isu Pengajaran Pantun Berestetika

Kajian terdahulu berkenaan pantun banyak menemui isu pengajaran pantun berestetika di sekolah. Sebenarnya, dalam mengajarkan puisi, guru seharusnya mendalami puisi tersebut agar mudah diajarkan kepada murid. Namun begitu, realiti terkini dalam pengajaran pantun di sekolah menampakkan sisi kelemahan guru. Hamzah et al. (2019) mendedahkan bahawa guru terpaksa bertindak mengikut kebijaksanaan sendiri sama ada ingin mengajar atau mengabaikan sahaja aspek estetika pantun kepada murid sekolah rendah. Polemik ini tidak boleh dibiarkan melarat kerana estetika merupakan lambang keindahan pantun yang dapat menyemai nilai murni (Juki, 2018), pemikiran aras tinggi (Salleh, 2016) melalui manifestasi dengan alam sekeliling tatkala mempelajari pantun (Hussain 2018).

Bertitik tolak daripada itu, kajian Mohd et al. (2018) menyatakan bahawa kurangnya pendedahan kepada guru tentang pengajaran kesusasteraan Melayu sehingga mereka tidak berkemahiran mengajarkan pantun kepada murid. Tambahan lagi, Mahamod dan Hassan (2018) turut bersetuju bahawa wujud kekeliruan dari aspek pedagogi dan ilmu kesusasteraan dalam kalangan guru bahasa Melayu. Lantaran itu, guru sepatutnya didedahkan dengan panduan pengajaran pantun yang sebenar agar mampu memberi impak kepada pemerksaan nilai estetika pantun dalam kalangan murid. Demi memperkuuh masalah berkaitan pengajaran guru, kajian Herlina et al. (2017), Suprapto et al. (2020) dan Sinaga et al. (2018) menunjukkan bahawa guru sekolah rendah sememangnya kurang memberi perhatian tentang kefahamaan pengajaran pantun seperti yang terdapat dalam kurikulum. Tambahan lagi, pengajaran guru dalam pantun juga dilihat kurang berkesan bagi membentuk kemahiran berpantun dalam kalangan murid sekolah rendah (Rosdi et al. 2020). Isu ini turut disuarakan Safian dan Quayum (2019) yang pernah menyatakan kebimbangan terhadap masyarakat Malaysia yang semakin kurang meminati pantun lantaran tidak diterapkan dengan puisi tradisional ini sedari awal lagi.

Selain itu, kajian Sigvardsson (2020) pernah menyifatkan bahawa antara faktor yang menyebabkan kelemahan guru dalam mengajarkan puisi di sekolah adalah kerana guru sendiri yang berasa takut dengan puisi tersebut. Guru dikatakan kurang berpengalaman dan tidak menjiwai dunia puisi. Bukan itu sahaja, hal ini turut diakui Timothy dan Obiekezie (2019) dalam kajian mereka bahawa ketakutan ini telah menjadi titik kelemahan kepada para guru untuk mengajarkan puisi tradisional bangsa sendiri kepada muridnya. Bayangkan, andai pengajaran pantun yang menjadi lambang identiti bangsa tidak diperkasa sedari peringkat sekolah rendah, sudah pasti hasilnya kelak bakal meranapkan kelestarian puisi tradisional ini dalam kalangan generasi muda kerana kurangnya pendedahan awal yang sebenar.

Maka, sudah menjadi tanggungjawab guru untuk menerapkan pengajaran pantun berestetika dengan lebih berstruktur berdasarkan langkah dan aktiviti yang lebih terancang. Penyusunan langkah dan aktiviti pengajaran pantun yang sesuai dengan pengetahuan sedia ada murid dapat memberi pendedahan estetika pantun dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung ke arah arus kemodenan.

## Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data secara temu bual separa struktur secara Google Meet dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVIVO 12+. Berdasarkan analisis tematik, data daripada temu bual mengenai masalah guru akan dikodkan sebelum diinterpretasikan untuk pelaporan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana pendekatan ini dapat memberikan maklumat yang kaya dan komprehensif berdasarkan sumber yang boleh dipercayai yang tidak dapat dimanipulasi oleh penyelidik (Merriam, 2009). Selain itu, data yang diperoleh daripada peserta kajian yang memenuhi kriteria melalui kaedah pengumpulan data seperti temu bual dapat memberikan maklumat terperinci berdasarkan pengalaman dan cadangan mereka.

Lapan orang peserta kajian telah dipilih untuk kajian ini. Lapan orang tersebut terdiri daripada empat orang guru bahasa Melayu sekolah rendah, dan empat orang pensyarah bahasa Melayu Institut Pendidikan Guru (IPG) yang berpengalaman dalam pantun. Kesemua peserta kajian terdiri daripada kumpulan *heterogenous* iaitu gabungan guru dan pensyarah IPG. Kumpulan *heterogenous* dipilih adalah untuk mendapatkan maklumat yang pelbagai daripada perspektif guru dan pensyarah IPG. Walaupun banyak kajian yang melibatkan temu bual menggunakan kumpulan *homogenous*, Adler dan Ziglio (1996) serta Lorenc et al., (2016) berhujah bahawa kumpulan *heterogenous* dapat memberikan data yang kaya dengan perspektif yang pelbagai. Kumpulan *heterogenous* akan mendapat jawapan yang lebih tepat daripada peserta kajian yang mengambil bahagian dalam kajian kerana mereka datang dari latar belakang yang berbeza dan mempunyai pengalaman yang berbeza.

Dalam kajian ini, empat orang guru yang dipilih merupakan guru bahasa Melayu yang berpengalaman dalam pengajaran pantun di sekolah rendah. Berliner (2004) menyatakan bahawa seorang guru dianggap pakar jika dia telah mengajar selama sekurang-kurangnya lima tahun. Pengalaman yang telah diperoleh dalam tempoh itu, membuatkan guru mahir dalam bidang tertentu. Selain itu, peserta kajian dalam kalangan pensyarah IPG turut dipilih berdasarkan pengalaman profesional mereka dalam pantun. Pensyarah IPG merupakan pensyarah yang mendidik guru bahasa Melayu sekolah rendah, sebelum guru tersebut dihantar untuk berkhidmat. Menurut Gambatese et al., (2008), pakar profesional akademik boleh menjadi pakar dalam sesuatu bidang kajian. Justeru, peserta kajian merupakan guru bahasa Melayu yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam pendidikan pantun. Pensyarah IPG juga dipilih berdasarkan pengalaman dan pelibatan mereka dalam pantun, seperti bimbingan, inovasi dan penulisan artikel. Maklumat demografi peserta kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Maklumat demografi peserta kajian

Peserta kajian	Umur	Jantina	Pengalaman mengajar (Tahun)	Pengalaman dalam pantun (Tahun)	Tahap pendidikan
PKG1	49	Perempuan	25	30	Sarjana
PKG2	48	Perempuan	24	32	Sarjana
PKG3	30	Lelaki	6	17	Sarjana Muda
PKG4	31	Lelaki	7	18	Sarjana
PKP1	52	Perempuan	28	36	Sarjana
PKP2	48	Lelaki	23	33	PhD
PKP3	59	Lelaki	35	40	Sarjana
PKP4	52	Perempuan	28	28	PhD

Nota: PKG= peserta kajian guru, PKP= peserta kajian pensyarah

## Hasil Kajian

Dapatan temu bual diperoleh melalui rakaman secara maya menggunakan Google Meet. Data telah ditranskrip dan dianalisis secara tematik. Kesimpulan yang diperoleh melalui dapatan temu bual telah menemui lima tema utama tentang cabaran guru dalam pengajaran pantun di sekolah rendah iaitu (1) persepsi guru (2) kurang meminati pantun, (3) kelemahan pengetahuan kandungan pantun (4) sikap sambil lewa dan (5) kelemahan amalan pedagogi. Ringkasan tema dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Masalah guru dalam pengajaran pantun

Tema	P	P	P	P	P	P	P	P	Kekerapan
	K	K	K	K	K	K	K	K	
	G	G	G	G	P	P	P	P	
	1	2	3	4	1	2	3	4	
Persepsi guru	-	-	-	/	/	-	-	-	2
Kurang meminati pantun	-	-	-	/	/	/	/	/	5
Kelemahan pengetahuan kandungan pantun	/	-	/	/	-	/	/	/	6
Sikap sambil lewa	-	/	/	/	/	/	/	/	7
Kelemahan amalan pedagogi pantun	/	/	/	/	/	/	/	/	8

Nota: PKG= peserta kajian guru, PKP= peserta kajian pensyarah

### 1. Persepsi Guru

Dua orang peserta kajian iaitu PKG 4 dan PKP 1 menyatakan bahawa guru mempunyai persepsi bahawa pantun itu sukar diajar disebabkan aras bahasa yang tinggi. Hal ini disebabkan perkataan-perkataan dalam pantun yang bersifat klasik dan jarang didengari oleh guru itu sendiri. Perkataan-perkataan ini membuatkan guru berasa takut untuk mengajarkan pantun secara berlebih-lebihan disebabkan persepsi awal mereka bahawa pantun itu sukar dan mencabar untuk murid. Kenyataan ini diperoleh daripada hasil temu bual terhadap PKG 4 dan PKP 1.

*“Ya, sebab mereka termomok dengan kosa kata-kosa kata dalam pertandingan pantun beraras tinggi, yang jarang, yang langka dia punya istilah tu.”* (PKG 4)

*“Jadi, untuk sastera ni, untuk cipta pantun ini bagi cikgu-cikgu, sebenarnya susah. Tak semua murid perlu dapat. Jadi cikgu kata kita ajar sekali sajalah. Kita ajar maksud pantun. Kita tak payahlah ajar yang lebih-lebih kan?”* (PKP 1)

### 2.Kurang Meminati Pantun

Selain itu, lima orang peserta kajian seperti PKG 4, PKP 1, PKP 2, PKP 3 dan PKP 4 menyatakan guru sekolah rendah kurang meminati pantun disebabkan pantun merupakan puisi tradisional yang semakin pudar di hati para guru. Dalam era teknologi kini, tidak dinafikan bahawa pantun semakin terpinggir kerana kedudukannya sebagai sebuah puisi tradisional yang berabad lama usianya. Justeru, minat yang kurang dalam diri guru membuatkan guru tidak bersemangat untuk mendalami ilmu pantun agak dapat diajarkan kepada murid. Disebabkan itu, proses pengajaran pantun di sekolah rendah hanya sekadar melengkapkan sukatan semata-mata. Kenyataan ini dibuktikan dalam petikan temu bual oleh PKG 4 dan PKP 2.

*“Saya boleh katakan puncanya minatlah. Okey, minat. Sebab kalau tanpa minat semua benda tak akan jadi. Kalau cikgu tak ada minat untuk mendapatkan ilmu ataupun mempelajari bagaimana untuk membina pantun, perkara ni takkan berlaku. Kalau kita tak minat, murid tak tahu, jadi secara tak langsung pengajaran pantun tu akan diabaikan dan mungkin diajar sekadar untuk melengkapkan sukatan.”* (PKG 4)

*“Yang kedua kerana bukan minat. Guru sendiri kurang berminat dengan pantun sebab pantun ni berkait dengan hal-hal lama.”* (PKP 2)

### 3.Kelemahan Pengetahuan Kandungan Pantun Berestetika

Di samping itu, enam orang peserta kajian iaitu PKG 1, PKG 3, PKG 4, PKP 2, PKP 3 dan PKP 4 menyatakan bahawa guru sekolah rendah sememangnya kurang pengetahuan kandungan tentang pantun lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan estetika seperti ciri-ciri pantun. Ciri-ciri pantun meliputi unsur estetika seperti maksud, pembayang, hubungan antara pembayang dengan maksud, suku kata, rima dan lafaz pantun. Namun begitu, tidak semua guru mempunyai pengetahuan kandungan pantun yang menyeluruh terhadap ciri-ciri pantun. Hal ini menyebabkan guru tidak dapat menyalurkan ilmu estetika pantun dengan

baik kepada murid-murid kerana guru sendiri tidak menguasai ilmu ini. Kenyataan ini dapat dibuktikan menerusi petikan temu bual daripada PKG 1 dan PKG 3.

*“Tak semua guru faham apa itu pantun. Perkara asas pantun seperti pembayang pun ada yang tak kuasai.”* (PKG 1)

*“Boleh dikatakan pertama, guru kurang ilmu tentang estetika pantun itu untuk diajar. Ya, sebab tak semua cikgu boleh cipta pantun dengan baik. Seperti kita tahu, semua cikgu tahu apakah itu pantun. Tapi, tak semua cikgu tahu hendak menghasilkan pantun yang berkualiti, yang berkaitan pembayang dan maksud, penggunaan bahasa yang cantik. Tak semua cikgu tahu tentang asas pantun yang baik.”* (PKG 3)

#### 4. Sikap Sambil Lewa

Seterusnya, tujuh orang peserta kajian kecuali PKG 1 menyatakan sikap guru yang sambil lewa dalam mengajarkan pantun. Ketujuh-tujuh orang peserta kajian begitu yakin bahawa pantun sering menjadi unsur sampingan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Realiti ini juga dikatakan sama dengan puisi lain seperti syair, gurindam, sajak dan sebagainya. Bahkan, pantun juga tidak diajarkan secara menyeluruh kerana guru mengajar aspek tertentu sahaja seperti maksud pantun. Hal ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran pantun tidak dapat disebarluaskan kepada murid dengan lebih holistik menerusi ciri-ciri pantun yang lain. Hal ini disebut oleh PKG 2 dan PKP 1 dalam temu bual yang dijalankan.

*“Ya, sambil lewa sahaja. Cuma kalau pengajaran di peringkat sekolah rendah tu, untuk dalam bidang pantun ni, dia agak kuranglah ditekankan guru. Dia macam asal ada sajalah. Tak ditekankan sangat-sangat. Sama jugalah macam syair, deklamasi sajak dan sebagainya. Macam sampinganlah.”* (PKG 2)

*“Jadi cikgu kata kita ajar sekali je lah. Kita ajar je maksud pantun. Kita tak payahlah ajar yang lebih-lebih kan? Maksudnya kita apa ni, tidak membantu sangatlah.* (PKP 1)

#### 5. Kelemahan Amalan Pedagogi Pantun

Lebih menarik lagi, kesemua peserta kajian memberi kenyataan yang sama bahawa guru sekolah rendah menghadapi masalah dalam pedagogi pantun disebabkan tidak mempunyai pengalaman, pengetahuan dan ilmu pedagogi pantun. Kesemua peserta kajian mendedahkan bahawa guru hanya mengajarkan ilmu yang digariskan dalam buku aktiviti sahaja kerana tiada panduan yang khusus untuk dirujuk oleh guru ketika mengajarkan pantun di sekolah rendah. Tambahan lagi, meskipun ada dalam kalangan guru bahasa Melayu berkelulusan dari IPG Kampus Bahasa Melayu, namun guru-guru ini masih tidak mampu mengajarkan pantun dengan baik disebabkan ilmu pedagogi pantun yang kurang. Kenyataan ini dibuktikan melalui petikan daripada PKG 2 dan PKP 2.

*“Kalau dalam pengajaran pantun di kelas, murid hanya terdedah dengan melafaz dan mengisi pembayang dan maksud pantun dalam buku aktiviti. Tapi untuk mengajar lebih tu, menjadi kesukaran bagi guru kalau mereka tak punya pengalaman dan pengetahuan dalam pantun.”* (PKG 2)

*“Apabila mengajar mencipta pantun, lagi-lagi secara berestetika memang guru tak boleh. Pasal dia tak ada pengetahuan tu. Ada guru walaupun dia lepasan IPG BM pun, dia tak boleh ajar. Bukan saja pantun, malah pengajaran puisi lain di sekolah rendah sangat bermasalah.”* (PKP 2)

Tuntasnya, dalam pengajaran pantun di sekolah rendah, terdapat lima masalah yang dihadapi guru. Masalah-masalah ini dapatlah dirumuskan menjadi lima aspek iaitu (1) persepsi guru (2) kurang meminati pantun, (3) kelemahan pengetahuan kandungan pantun berestetika, (4) sikap sambil lewa dan (5) kelemahan amalan pedagogi pantun. Sewajarnya masalah ini perlu ditangani bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran pantun di sekolah rendah lebih holistik demi memartabat puisi tradisional ini.

## Perbincangan

Sebagai puisi tradisional yang diiktiraf UNESCO, usaha melestarikan pantun menuntut bidang pendidikan agar menerapkan pantun bermula dari peringkat rendah dengan pematuhan unsur-unsur estetika yang menjadi kunci utama kualiti pantun. Hussain (2018) menerangkan bahawa estetika berperanan sebagai etika yang melengkapi keindahan karya sastera. Dalam kajian terawal tentang pantun, Piah (1989) menjelaskan bahawa estetika pantun terdiri daripada pembayang, maksud, hubungan antara pembayang dengan maksud, rima dan suku kata. Namun begitu, jika menelusuri Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu dalam Teori Putika Sastera Melayu (Salleh, 2000), beliau meletakkan elemen “sesuai dan patut” yang merujuk kepada aspek melafaz dan menggayakan pantun mengikut kesesuaian kata. Disebabkan itu, estetika merupakan unsur utama yang perlu dititikberatkan guru dalam pengajaran pantun di sekolah rendah.

Namun, tatkala meneliti dapatan kajian, guru-guru menghadapi cabaran disebabkan persepsi ketakutan yang wujud terhadap pantun. Guru-guru menyatakan bahawa pantun itu susah disebabkan kosa kata yang tinggi dan bersifat klasik dalam pantun. Kenyataan ini selari dengan kajian Timothy dan Obiekezie (2019) yang menyatakan bahawa guru-guru takut untuk mengajarkan puisi tradisional. Meskipun kajian Timothy dan Objekezie ini dijalankan di Nigeria, namun konsep ketakutan terhadap puisi tradisional ini sememangnya tidak terhad dalam Malaysia sahaja, bahkan negara-negara lain di seluruh dunia juga turut menghadapinya. Disebabkan itu, Sigvardsson (2020) mencadangkan agar guru-guru memahami sesuatu puisi terlebih dahulu sebelum mengajarkannya kepada para pelajar. Bagi perkataan yang tidak diketahui, guru-guru perlu memanfaatkan kemajuan teknologi yang ada seperti menggunakan laman prpm.dbp.gov.my untuk mencari makna perkataan atau merujuk segala permasalahan tentang bahasa. Semua ini memudahkan urusan guru untuk memastikan bahawa ketakutan terhadap kosa kata yang tinggi dapat ditangani dengan sebaik-baiknya.

Selain itu, guru-guru kurang meminati pantun disebabkan pantun merupakan puisi tradisional yang telah lama. Tidak dinafikan bahawa kemajuan era teknologi membuatkan guru-guru tidak meminati puisi tradisional lama ini yang dianggap kurang relevan zaman kini. Penekanan terhadap Sains, Teknologi dan Matematik (STEM) yang digembarkan-gemburkan kerajaan menjadikan sastera kian terkebelakang. Hal ini didebak dalam kajian Safian dan Quayum (2019), sewaktu menemu bual Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh. Sasterawan Negara menyatakan kebimbangan terhadap nasib sastera dalam dunia pendidikan yang kian tersisih kerana terlalu memfokuskan STEM. Penekanan terhadap STEM menyebabkan nilai dan ilmu yang tersirat di sebalik karya sastera semakin kurang diambil kira. Justeru, tanggungjawab ini seharusnya digalas guru melalui pengajaran pantun yang berestetika agar murid-murid dapat menerima pendedahan awal ini dengan lebih baik sebelum berkenalan dengan Komponen Sastera (KOMSAS) di sekolah menengah kelak. Oleh itu, guru perlu mempunyai minat terhadap pantun agar dapat menyalurkan kepada murid melalui pengajaran dan pembelajaran pantun yang menyeronokkan supaya puisi tradisional ini tidak disisihkan.

Di samping itu, guru-guru juga mempunyai kelemahan pengetahuan kandungan tentang pantun. Pengetahuan kandungan merupakan pengetahuan dan pemahaman tentang sesuatu bidang subjek meliputi konsep, fakta dan sebagainya yang berkaitan dengan sesuatu bidang (Shulman, 1986). Dalam konteks pantun, pengetahuan kandungan meliputi estetika pantun yang menjadi lambang keunikan pantun. Hussain (2018) menerangkan bahawa estetika berperanan sebagai etika yang melengkapi keindahan karya sastera. Dari segi estetika pantun, Piah (1989) menambah bahawa estetika pantun terdiri daripada pembayang, maksud, hubungan antara pembayang dengan maksud, rima dan suku kata. Namun begitu, jika meneliti Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu dalam Teori Putika Sastera Melayu (Salleh, 2000), beliau meletakkan elemen “sesuai dan patut” yang merujuk kepada aspek melafaz dan menggayakan pantun mengikut kesesuaian patah kata. Disebabkan itu, estetika merupakan unsur utama yang perlu dititikberatkan guru dalam pengajaran pantun di sekolah rendah. Justeru, guru perlu menambahkan lagi pengetahuan kandungan tentang pantun supaya estetika pantun dapat diajarkan kepada murid dengan sebaiknya. Pihak kementerian juga perlu menambah kursus-kursus berkaitan pantun kepada guru agar estetika pantun dapat disebarluaskan dengan lebih holistik sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, sikap guru yang sambil lewa terhadap pengajaran pantun menjadi cabaran untuk mengimplementasikan puisi tradisional ini di sekolah rendah. Guru-guru lebih gemar mementingkan topik

yang menjadi fokus utama dalam peperiksaan seperti penulisan karangan dan tatabahasa. Dapatan temu bual daripada kajian ini ternyata selari dengan kajian pantun yang dijalankan di Indonesia seperti Camalia et al. (2016); Wardana dan Wachid (2021) serta Wulandari et al. (2017) yang tidak menitikberatkan pantun dalam pengajaran bahasa. Disebabkan sikap sambil lewa ini, pengajaran pantun yang seharusnya menitikberatkan estetika dilihat terabai dan tidak ditekankan guru. Justeru, guru perlu mengajarkan pantun dengan betul tanpa wujudnya pengabaian dan sikap sambil lewa kerana masalah ini secara tidak langsung bakal membunuh kecintaan murid terhadap puisi tradisional ini.

Para guru juga menghadapi masalah dengan amalan pedagogi pantun yang lemah. Amalan pedagogi yang dipraktikkan guru lebih memfokuskan aktiviti melafaz dan mempersesembahkan pantun di dalam kelas berbanding penekanan terhadap aspek estetika pantun (Rosdi, 2020). Tambahan lagi, amalan pengajaran pantun yang bersifat tradisional mengakibatkan murid-murid menjadi bosan dengan pantun (Mohd et al., 2018). Penemuan ini juga selari dengan kajian lepas seperti Herlina et al. (2017), Suprapto et al. (2020) dan Sinaga et al. (2018) yang menyatakan bahawa guru-guru tidak mahir dalam mengajarkan pantun di sekolah. Justeru, Tindakan lebih awal perlu diperhalusi di peringkat Institut Pendidikan Guru lagi, agar kurikulum pendidikan guru dapat dirombak dengan menekankan aspek pedagogi pantun. Hal ini penting agar bakal-bakal guru kelak dapat mengaplikasikan kemahiran pedagogi pantun dengan baik di sekolah rendah.

Berdasarkan masalah guru dalam pengajaran pantun di sekolah rendah, penghasilan inovasi baharu perlu dijalankan oleh para penyelidik yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran pantun di sekolah rendah. Kajian yang dijalankan perlulah mempunyai penghasilan akhir seperti bahan pengajaran, model pengajaran, modul, garis panduan, kerangka, instrumen dan apa-apa sahaja yang mampu menambahbaik kualiti pengajaran (Siraj et al., 2020). Tambahan lagi, hasil kajian sebegini dapat menjadi rujukan kepada guru dalam mengajarkan pantun di sekolah rendah (Rahman & Mahamod, 2022). Tambahan lagi, penyelidikan yang dijalankan secara tidak langsung bakal membuka ruang baharu dalam kajian pantun yang pernah dijalankan.

Dalam iklim penyelidikan di Malaysia, kajian-kajian terdahulu terhadap pantun lebih tertumpu ke arah analisis teks pantun secara kualitatif bagi menemukan unsur nilai murni (Juki, 2018; Abdul Majid, 2017; Zakaria, 2015), pemikiran aras tinggi (Osup & Taisin, 2019; Sudirman & Hamid, 2016; Zakaria et al., 2019), semantik riffaterre dalam pantun (Ishak, 2018), semantik inkuisitif dalam pantun (Abdul Ghani & Mohamed, 2020) dan pelbagai lagi. Lantaran itu, sudah tiba masanya kajian pantun dalam pendidikan diperkembang dan dipergiat pelaksanannya dengan penghasilan inovasi baharu dalam seni bahasa agar mampu melestarikan pantun untuk kemaslahatan generasi muda, di samping menambah khazanah literatur yang ada.

## Kesimpulan

Kemajuan teknologi yang semakin pesat membangun membuatkan puisi tradisional semakin terpinggir. Dengan pengiktirafan UNESCO terhadap pantun pada 17 Disember 2020 telah memberi peluang baharu kepada pantun untuk terus dilestarikan dengan sebaik mungkin. Sebagai bidang yang bertanggungjawab menyemai pantun dalam kalangan generasi muda, bidang pendidikan perlu memastikan setiap guru bebas daripada segala cabaran yang bakal mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran pantun di sekolah rendah.

Dalam memastikan pengajaran pantun sebagai seni bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu berjalan dengan lancar, guru perlu mengikis persepsi awal bahawa pantun itu sukar dan menakutkan. Persepsi sedemikianlah yang membuatkan guru tidak berminat dengan pantun sehingga timbul sikap sambil lewa dalam pengajaran pantun. Justeru, guru perlu bersikap berani untuk menimba ilmu pantun agar tiada lagi masalah dalam penguasaan pengetahuan kandungan dan pedagogi pantun.

Demi memastikan guru memperoleh pengetahuan tentang kandungan dan pedagogi pantun, kajian ini mencadangkan agar para penyelidik membangunkan bahan pengajaran, panduan, modul mahupun model pengajaran pantun yang mampu menjadi rujukan para guru sewaktu mengajarkan pantun di sekolah rendah. Andai perkara ini diambil kira dengan sehabis baik, kualiti pengajaran dan pembelajaran pantun di sekolah akan lebih bertambah baik dan memberi impak kepada guru dan juga murid.

**Penghargaan:** Terima kasih Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas penajaan Hadiah Latihan Persekutuan bagi menjalankan kajian ini. Salam apresiasi juga ditujukan kepada semua peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini.

**Konflik kepentingan:** Tiada sebarang konflik kepentingan sepanjang kajian ini dijalankan.

## Rujukan

- Ab Jabar, N., Daeng, J. D. H., Muhammad, A. S. N. A., & Kiffli, S. (2023). Pemberdayaan produk warisan: Interaksionisme antara jenis padi dalam pantun dan masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 11(1), 72–87. <https://doi.org/10.47252/teniat.v1i1.1030>
- Abdul Ghani, M. K., & Mohamed, N. (2020). Analisis semantik inkuisitif: Simbol “bunga” dalam pantun Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 36–48.
- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the Oracle: The Delphi Method and Its Application to Social Policy and Public Health*. Jessica Kingsley Publisher.
- Berliner, D. C. (2004). Describing the behavior and documenting the accomplishments of expert teachers. *Bulletin of Science, Technology and Society*, 24(3), 200–212.
- Braginsky, V. I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. KITLV.
- Camalia, D., Ikhwan, W. K., & Mujtahidin, M. (2016). Pendidikan nilai-moral melalui pembelajaran pantun pada siswa sekolah dasar. *Jurnal Pamator*, 9(2), 103–108.
- Gambatese, J. A., Behm, M., & Rajendran, S. (2008). Design’s role in construction accident causality and prevention: Perspectives from an expert panel. *Safety Science*, 46(4), 675–691.
- Hamzah, N., Mohammad, F. H., Baharum, H., Abdullah, R. S. A., & Bakar, I. (2019). Instrumen pantun berestetika. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(8), 188–201. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.280014>
- Hamid, H. A. (1995). *Pengantar estetik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, Z. (2020). *Membina bakat kreatif*. Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Herlina., Marhadi, H., & Kurniaman, O. (2017). Penerapan model pembelajaran kooperatif tipe make a match untuk meningkatkan kemampuan menulis pantun siswa kelas iv sd negeri 015 penyaguan. *Jurnal Online Mahasiswa (JOM) Bidang Keguruan dan Ilmu Pendidikan*, 4(1), 1–10.
- Hussain, E. M. (2018). *Simbol dan makna dalam pantun Melayu*. Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Ishak, A. Q. (2018). *Semiotik riffaterre dalam pantun kanak-kanak*. [Tesis Dr. falsafah, Universiti Malaya].
- Juki, H. (2018). Pemikiran etika dalam pantun Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 102–113.
- Keating, K. (2020). A tight, mesmerizing chain of echoes: The pantoum in Irish poetry. *Irish Studies Review*, 28(1), 1–19. <https://doi.org/10.1080/09670882.2020.1715587>
- Lorenc, T., Felix, L., Petticrew, M., Melendez-Torres, G. J., Thomas, J., Thomas, S., O’Mara-Eves, A., & Richardson, M. (2016). Meta-analysis, complexity, and heterogeneity: A qualitative interview study of researchers’ methodological values and practices. *Systematic Reviews*, 5(192), 1–9. <https://doi.org/10.1186/S13643-016-0366-6>
- Mahamod, Z., & Hassan, J. (2018). Persepsi guru bahasa Melayu tentang penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan komsas. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 41–50. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.4.2018>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Mohd, R. H., Siraj, S., & Hussin, Z. (2018). Aplikasi kaedah fuzzy delphi dalam pembangunan modul pengajaran pantun Melayu tingkatan 2 berasaskan maksud al-quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 57–67.
- Osup, C., & Taisin, N. (2019). Iban dindang and Malay pantun: Impact on intellectual intelligence and building of human capital in Iban and Malay communities. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(1), 1445–1457. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i1/5910>
- Piah, H. M. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rahman, A. F. A., & Mahamod, Z. (2022). Implementation of selected theories for the research of pantun in Malay language education. *Creative Education*, 13(03), 717–730. <https://doi.org/10.4236/CE.2022.133045>
- Rosdi, A.M., Mohamed, S. Z. R., Salleh, S. M., Idrus, A. (2020). The readiness applications c-pantun as a new method in creation of Malay pantun. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat*, 2(22), 1–16.
- Salleh, M. H. (2000). *Puitika sastera Melayu: Edisi khas sasterawan negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, M. H. (2016). *Ghairah dunia dalam empat baris*. Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Safian, N. A., & Quayum, M. A. (2019). Malaysian literature and its future: An interview with Muhammad Haji Salleh. *Asiatic*, 3(1), 119-141.
- Sew, J. W. (2018). Muhammad Haji Salleh, pantun: The poetry of passion. *Archipel*, 96, 187–188. <https://doi.org/10.4000/archipel.899>
- Sigvardsson, A. (2020). Don't fear poetry! Secondary teachers' key strategies for engaging pupils with poetic texts. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 64(6), 953–966.
- Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4-14.
- Sinaga, L. P., Mering, A., & Muniir, A. (2018). Peningkatan pemahaman pendidikan karakter-karakter melalui pembelajaran pantun berdendang pada siswa smp negeri 1 Segedong. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 7(7), 1-9.
- Siraj, S., Abdullah, M. R. T. L., & Rozkee, R. M. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 146–158.
- Suprapto, V., Suharto, T., & Irawati, L. (2020). Penggunaan contextual teaching and learning berbantuan kartu kata untuk meningkatkan keterampilan menulis pantun pada siswa SD. *Linguista: Jurnal Ilmiah Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 4(1), 51–61.
- Timothy, A. E., & Obiekezie, E. O. (2019). Fear of poetry among preservice teachers in Nigeria. *Heliyon*, 5(12), 1-6. <https://doi.org/10.1016/J.Heliyon.2019.E03010>
- Winstedt, R. J. & Wilkinson, R. (1961). *Pantun Melayu*. Malaya Publishing House Limited.
- Zakaria, N., Abdullah, A., Zakaria, S. Z. S., Mutalib, M. H. A., Jamaldin, S. S., Sulaiman, M., & Derak, R. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 89–97.